




**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**17 September 2021**  
**10 Safar 1443H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Amaran daripada geragau</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harian Metro</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Kosmo !</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Konsortium bantu jualan ikan patin</li></ul>
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>The Star</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>New Straits Time</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Nanyang Siang Pau</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysia Gazette</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harakah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysiakini</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Bernama</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Borneo Post (Kuching)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Guan Ming Daily</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Sabah Media</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI Sabah Media			
KATEGORI LIPUTAN : PC						2	17-9-2021	



**Minda Pengarang**  
ISMAIL DAUD

## Amaran daripada geragau

UM M/S 2  
17-9-2021

TIDAK pernah terlintas di fikiran bahawa belacan dan cencaluk Melaka yang kita makan sejak kecil, bakal pupus. Sukar membayangkan masakan Melayu tanpa belacan. Kalau pun ada alternatif, ia tidak akan sama.

Juga tidak dapat dibayangkan, Melaka tidak lagi menjual belacan dan cencaluk - ikon negeri itu sejak sekian lama.

Menurut pengusaha makanan tradisional super popular itu, projek menambak laut menjadi punca kepada pupusnya udang geragau yang menjadi bahan utama pembuatan makanan tersebut.

Mereka pernah membawa pulang sehingga 100 kilogram sehari udang geragau suatu masa lalu tetapi kini kata mereka, hendak mendapatkan 10 peratus daripada jumlah itu pun amat payah.

Kekurangan bahan mentah itu membawa kepada kekurangan produk yang dihasilkan. Kurang produk bermakna kurang pendapatan. Bila kurang pendapatan, anak-anak pun tak minat untuk meneruskan usaha orang tuanya. Itulah kitaran hidup.

Mungkin makanan tradisional lain seperti budu dan keropok juga menghadapi masalah yang sama akibat daripada sumber laut yang semakin berkurangan.

Usaha ini melibatkan semua pihak, dari nelayan itu sendiri, seluruh masyarakat dan paling penting ialah kerajaan sebagai punca kuasa. Hentikan projek tambak laut. Tambahkan laut akan mengubah ekosistem laut sekaligus menjejaskan pembiakan sumber laut.

Pembangunan sering dijadikan alasan sedangkan hakikatnya ialah ia hanya menguntungkan segelintir pihak sahaja. Yang kaya semakin kaya. Nelayan tetap terkial-kial meneruskan kehidupan. Bantahan mereka tidak pernah didengar.

Kalau kita lihat kawasan tambakan di Klebang pada waktu ini, tidak banyak pembangunan pun dilaksanakan. Sebahagian besar kawasan itu masih kosong. Seolah-olah tiada keperluan untuk menambak laut sehingga seluas itu. Namun, dikatakan, masih ada beberapa fasa yang belum dilaksanakan.

Kawasan itu kini dijadikan tempat menempatkan penjaja kecil dan orang ramai beriadah tetapi projek itu telah memusnahkan banyak hidupan laut dan juga kehidupan manusia.

Justeru, selain menghentikan projek tambakan, kerajaan wajar memperkenalkan 'musim memburu' bagi spesies hidupan laut tertentu seperti udang geragau demi menjamin bekalan berterusan sumber laut tersebut.

Ini dilakukan di banyak negara. Sebagai contoh, musim menangkap King Crab di Laut Bering, Alaska adalah antara Oktober hingga Januari tetapi kadangkala kebenaran yang diberikan hanya selama dua hingga empat minggu sahaja.

Peraturan itu bukan sahaja menjamin bekalan ketam yang berterusan tetapi harganya kekal tinggi dan menjadi rebutan di serata dunia. Ini tentunya menguntungkan nelayan dalam jangka panjang.

Sebenarnya, bukan sahaja udang geragau yang kepupusan, malah hampir semua sumber marin dunia semakin berkurangan akibat penangkapan tanpa kawalan. Menurut laporan National Geographic, 77 bilion kilogram sumber makanan dikeluarkan dari laut setiap tahun.

Harapan pengusaha belacan kini adalah kepada kerajaan negeri yang bersedia membantu mewujudkan kawasan pembiakan udang geragau di tiga buah pulau di perairan negeri itu. Moga belacan tidak jadi barang mewah dan eksklusif pada masa depan.

Ismail Daud ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI Sabah Media		
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	14	17-9-2021

Kosmo MS 14 17/9/2021

Langkah atasi kerugian penternak gagal pasarkan hasil ternakan akibat pandemik

# Konsortium bantu jualan ikan patin

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

**BENTONG** - Penternak ikan patin sangkar yang mengalami masalah dalam memasarkan hasil ternakan mereka disaran menyertai Konsortium Penternakan Ikan Patin Sungai Pahang dalam usaha mengatasi lambakan ikan berkenaan.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata penyertaan dalam konsortium itu dapat menjamin pasaran ikan patin berkenaan seterusnya mengelakkan penternak mengalami kerugian apabila ikan tidak dapat dijual.

"Pada masa ini, seramai 2,500 ahli Konsortium Penternakan Ikan Patin Sungai Pahang tidak mengalami masalah lambakan ikan patin walaupun berhadapan pandemik Covid-19.

"Jadi saya mencadangkan agar penternak ikan patin di Sungai Pahang menjadi ahli konsortium ini agar kebajikan mereka lebih terbelas selain tidak menghadapi masalah memasarkan ikan," katanya ketika ditemui selepas Mesyuarat Agong Angkasa Pahang Barat di sini semalam.



KERATAN Kosmo! semalam.

Kosmo! pada 7 September lalu melaporkan penternak ikan patin sangkar di Temerloh mengeluh memikirkan cara untuk mencari pelanggan selepas berdepan dengan lambakan ikan sungai berkenaan akibat kekurangan permintaan daripada pengusaha restoran.

Lambakan itu ekoran restoran dan kedai makan tidak dibenarkan beroperasi seterusnya menyaksikan terdapat penternak yang biasanya mampu menjual purata 200 ekor sehari kini mampu menjual kira-kira 20 ekor ikan patin sahaja.

Berdasarkan data 2020 terdapat sebanyak 1,673 penternak ikan sangkar di seluruh negeri dengan 34 peratus daripadanya iaitu 563 penternak adalah di Te-



**NAZIMI MOHD. RODZI (Idri)** menunjukkan ikan patin seberat lebih satu kilogram yang tidak dapat dijual akibat kekurangan permintaan di Temerloh baru-baru ini.

merloh yang merekodkan 4,096 unit sangkar ikan.

Dalam pada itu Abdul Fattah memberitahu Konsortium Penternakan Ikan Patin Sungai Pa-

hang yang ditubuhkan pada 2017 kini disertai sembilan buah koperasi dengan keseluruhan keahlian sebanyak 2,500 orang.

"Penternak berkenaan boleh

mendaftar di pejabat Angkasa daerah bagi membolehkan mereka mendapat bantuan termasuk benih dan makanan ikan dengan harga berpatutan," ujarnya.